

MW/MTIII2025/PR(BM)

MyWATCH KENYATAAN MEDIA**Kenyataan 2: Mengenai vape & e-cig (BM)**

Kenyataan Media oleh Presiden MyWATCH

“Tamatkan Wabak Vape – Malaysia Mesti Larang Rokok Elektronik”

Pertubuhan Wanita Malaysia untuk Kawalan Tembakau dan Kesihatan (MyWATCH) ingin menyatakan kebimbangan serius terhadap penjualan dan penggunaan vape serta rokok elektronik yang semakin berleluasa di negara ini. Walaupun bukti bahaya semakin jelas, Malaysia masih belum mempunyai dasar nasional yang menyeluruh untuk menangani wabak ini, menyebabkan berjuta-juta rakyat—terutamanya golongan muda—terdedah dan terancam.

Rokok elektronik sama sekali tidak selamat. Ia telah mewujudkan beban kesihatan awam yang serius, termasuk ketagihan nikotin dalam kalangan remaja, penyakit paru-paru dan jantung, masalah pernafasan, kes keracunan, serta insiden letupan peranti. Semakin ramai pesakit dengan komplikasi berkaitan vape dilaporkan oleh profesional kesihatan, sekali gus menambah tekanan kepada sistem penjagaan kesihatan negara yang sedia terbeban.

Lebih membimbangkan, produk vape turut disalahgunakan oleh sindiket jenayah untuk menyalurkan dadah berbahaya seperti ganja dan methamphetamine, dengan menggunakan rekaan yang mudah disorok serta perisa cecair yang mampu menutup aktiviti penyalahgunaan. Ancaman berganda terhadap kesihatan dan keselamatan ini memerlukan tindakan kerajaan yang tegas dan segera.

Walaupun beberapa negeri di Malaysia telah berusaha untuk mengawal atau melarang produk berbahaya ini, ketiadaan rangka kerja nasional yang kukuh dan seragam menggagalkan usaha tersebut. Sebaliknya, negara jiran telah bertindak tegas: Singapura, Thailand, dan Brunei telah menguatkuasakan larangan ketat terhadap pengimportan, penjualan, dan pemilikan rokok elektronik—memberi mesej jelas bahawa kesihatan awam mesti diutamakan berbanding kepentingan industri. Malaysia tidak boleh menjadi kelemahan dalam rantau ini.

MyWATCH mendesak Kementerian Kesihatan (KKM), sebagai pelindung utama kesihatan negara, supaya segera melaksanakan larangan menyeluruh di seluruh negara terhadap vape dan rokok elektronik. Tindakan separuh jalan, kelewatan, atau peraturan yang tidak menyeluruh hanya akan melanjutkan kerosakan serta memberi ruang kepada industri untuk terus mengeksploitasi kelompokan undang-undang.

Kerajaan Malaysia mesti menunjukkan keberanian dan kepimpinan yang pernah menjadikan kita perintis global dalam kawalan tembakau. Tekanan politik dan kepentingan komersial tidak boleh dibiarkan menentukan dasar kesihatan negara. Anak-anak kita, keluarga kita, dan generasi masa depan berhak mendapat perlindungan sepenuhnya daripada produk yang menyebabkan ketagihan, kemudatan, dan bahaya kepada nyawa.

MyWATCH bersedia untuk bekerjasama dengan KKM dan kerajaan negeri dalam melaksanakan langkah-langkah yang kukuh, berkesan, dan boleh dikuatkuasakan. Inilah masanya untuk Malaysia menunjukkan ketegasan dan keberanian—dengan menamatkan wabak vape sekali dan untuk semua.

Kenyataan 3: Mengenai cukai tembakau (BM)

KENYATAAN MEDIA

“MyWATCH Desak Kenaikan Cukai Tembakau Berimpak dalam Belanjawan Negara”

Pertubuhan Wanita Malaysia untuk Kawalan Tembakau dan Kesihatan (MyWATCH) menyokong penuh cadangan Kerajaan untuk menaikkan cukai tembakau dalam Belanjawan akan datang. Namun, **kenaikan ini mestilah memberi impak yang besar kepada pengurangan penggunaan rokok dan menjana hasil cukai yang maksimum kepada Kerajaan.** Oleh itu **kenaikan cukai eksais yang dicadangkan adalah 0.75 sen bagi setiap batang rokok, demi melindungi kesihatan rakyat, menambah hasil negara, dan menunaikan komitmen antarabangsa Malaysia.**

Cukai eksais rokok di Malaysia kali terakhir dinaikkan pada tahun 2015. Malaysia pula telah menjadi pihak kepada Konvensyen Rangka Kerja Kawalan Tembakau WHO (FCTC) sejak 2005, yang mewajibkan kenaikan cukai secara berkala sebagai strategi paling berkesan mengurangkan penggunaan tembakau dan memastikan rokok tidak mampu milik, khususnya dalam kalangan belia.

Sebaliknya, industri tembakau terus meraih keuntungan melalui strategi harga mereka, sedangkan negara menanggung beban besar penyakit dan kos ekonomi akibat tabiat merokok. Keadaan ini mesti dihentikan.

MyWATCH menggesa Kerajaan untuk:

Melaksanakan kadar cukai eksais sebanyak 0.75 sen bagi setiap batang rokok.

Pelarasan kadar cukai eksais keatas rokok secara berkala sejajar dengan kadar inflasi dan peningkatan pendapatan benar.

Menyalurkan sebahagian hasil cukai kepada program berhenti merokok, pencegahan, dan kesihatan awam.

Cukai tembakau terbukti langkah paling efektif: ia mengurangkan tabiat merokok, menyelamatkan nyawa, dan menambah hasil kewangan negara. Belanjawan kali ini adalah peluang untuk Kerajaan bertindak tegas demi kesihatan dan masa depan Malaysia.

Kenyataan 4: On Cigarette Filters and the Plastic Treaty (BM)

KENYATAAN MEDIA

“MyWATCH Desak Larangan Penapis Rokok: Tipu Daya Bahaya & Pencemar Alam Sekitar”

Pertubuhan Wanita Malaysia untuk Kawalan Tembakau dan Kesihatan (MyWATCH) menggesa larangan menyeluruh ke atas semua penapis rokok, selaras dengan cadangan rundingan Perjanjian Plastik di peringkat antarabangsa.

Penapis rokok adalah suatu tipu daya berbahaya. Ia memberi perokok rasa selamat palsu tetapi tidak mengurangkan toksin atau melindungi daripada kanser, sakit jantung, dan penyakit lain akibat tembakau. Sebaliknya, ia mengekalkan ketagihan.

Selain itu, **puntung rokok adalah sisa plastik paling banyak dibuang di dunia, yang mencemarkan alam sekitar dan sumber air dengan bahan kimia beracun.**

MyWATCH menggesa Kerajaan Malaysia untuk:

Menyokong larangan total ke atas semua penapis rokok, bukan hanya yang berasaskan plastik.

Mendedahkan penapis rokok sebagai helah industri tanpa manfaat kesihatan.

Memperkuh kawalan tembakau melalui cukai lebih tinggi dan pendidikan awam.

Menghapuskan penapis rokok adalah langkah berani demi kesihatan rakyat dan kelestarian alam sekitar.

Roslizawati Md Ali
Presiden MyWATCH 2025/2026
+6012 234 0482 / nhhliza@yahoo.co.uk